

Artikel

Pengaruh Trauma Kanak-Kanak, Penghindaran Sosial dan Harapan terhadap Idea Membunuh Diri dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda di Bangi dan Kuala Lumpur

(The Influence of Childhood Trauma, Social Avoidance and Hope on Suicidal Ideation Among Undergraduate Students in Bangi and Kuala Lumpur)

Munif Norazan & Chong Sheau Tsuey

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra), Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: munifnorazan@gmail.com

Diserah: 21 Jun 2025

Diterima: 06 november 2025

Abstrak: Isu kesihatan mental dan tingkah laku membunuh diri semakin membimbangkan di seluruh dunia, terutama dalam kalangan remaja dan awal dewasa, yang mana pelajar universiti tergolong dalam kumpulan yang terdedah kepada pelbagai tekanan akademik dan sosial. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan harapan terhadap idea membunuh diri dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan Kuala Lumpur. Seramai 168 pelajar menerusi kaedah persampelan rawak mudah telah melengkapkan soal selidik yang merangkumi *Childhood Trauma Questionnaire - Short Form (CTQ-SF)*, *Social Avoidance and Distress Scale (SADS)*, *Hope Scale (HS)*, dan *Self-Rating Idea of Suicide Scale (SIOSS)*. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan SPSS dan JAMOV. Dapatan menunjukkan trauma zaman kanak-kanak dan penghindaran sosial memberi kesan signifikan terhadap idea membunuh diri, manakala harapan berfungsi sebagai faktor pelindung. Hanya etnik didapati mempunyai perbezaan signifikan dalam tahap idea membunuh diri, manakala jantina dan status sosioekonomi tidak. Kesimpulannya, kajian ini menekankan keperluan intervensi yang lebih berfokus pada aspek psikososial pelajar universiti bagi mencegah peningkatan kes bunuh diri dan mempertingkatkan kesihatan mental mereka. Kajian pada masa hadapan juga haruslah mengkaji pembolehubah-pembolehubah ini secara mendalam terhadap idea membunuh diri atau mengaitkan dengan pembolehubah yang baharu agar kefahaman tentang idea membunuh diri ini dalam konteks Malaysia untuk lebih difahami.

Kata kunci: Trauma kanak-kanak; penghindaran sosial; harapan; idea membunuh diri; pelajar universiti.

Abstract: Mental health issues and suicidal ideation have become increasingly concerning worldwide, particularly among adolescents and young adults, with university students being a high-risk group due to various academic and social pressures. This study aimed to examine the influence of childhood trauma, social avoidance, and hope on suicidal ideation among undergraduate students at Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi and Kuala Lumpur. A total of 168 students were selected through simple random sampling and completed a set of questionnaires comprising the *Childhood Trauma Questionnaire - Short Form (CTQ-SF)*, *Social Avoidance and Distress Scale (SADS)*, *Hope Scale (HS)*, and *Self-Rating Idea of Suicide Scale (SIOSS)*. Data were analyzed using both descriptive and inferential statistics with SPSS and JAMOV. Findings revealed that childhood trauma and social avoidance had significant effects on suicidal ideation, whereas hope served as a protective factor. Only ethnicity showed significant differences in levels of suicidal

ideation, while gender and socioeconomic status did not. In conclusion, the study highlights the need for more psychosocially focused interventions for university students to prevent the rising incidence of suicide and to promote their mental well-being. Future research should further explore these variables in greater depth or incorporate additional factors to enhance understanding of suicidal ideation in the Malaysian context.

Keywords: Childhood trauma; social avoidance; hope, suicidal ideation; university students.

Pengenalan

Idea bunuh diri adalah isu kesihatan awam yang penting yang semakin membimbangkan di seluruh dunia. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bunuh diri adalah salah satu punca utama kematian bagi kira-kira 700,000 orang di seluruh dunia bagi setiap tahun, yang mana kebanyakannya ialah remaja dan awal dewasa antara lingkungan umur 15 dan 29 (*World Health Organization*, 2023). Pelajar universiti dan kolej adalah antara kumpulan yang terkesan lebih daripada populasi umum yang mana tindakan membunuh diri merupakan punca kematian utama dalam kalangan pelajar universiti (WISQARS, 2020). Hal ini mungkin disebabkan oleh pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pelajar universiti, seperti tekanan akademik dan sosial (Shankar et al., 2018), penyesuaian kepada persekitaran sosial baru (Zhang et al., 2022), buli siber (Nazirah., et al., 2024) dan beban kewangan (Cao et al., 2021). Idea membunuh diri merupakan konteks yang sangat penting yang menjurus kepada tindakan membunuh diri. Hal ini kerana sebelum berlakunya tindakan membunuh diri, idea membunuh diri merupakan peramal yang memainkan peranan penting terlebih dahulu.

Bagi memahami isu ini dengan lebih mendalam, adalah penting untuk merujuk kepada teori-teori psikologi asas yang menjadi landasan kepada kajian. Teori Ikatan oleh Bowlby (1958) menerangkan bagaimana ketiadaan hubungan emosi yang stabil pada peringkat awal kehidupan boleh meninggalkan kesan mendalam terhadap kesejahteraan psikologi individu, termasuk kerentanan kepada masalah mental di kemudian hari. Seterusnya, Model Kognitif Fobia Sosial oleh Clark dan Wells (1995) menekankan peranan kepercayaan negatif terhadap diri yang mendorong individu untuk mengelakkan interaksi sosial, sekali gus meningkatkan risiko pengasingan diri. Di samping itu, Teori Harapan yang dikemukakan oleh Snyder (2002) memperlihatkan bahawa harapan berfungsi sebagai mekanisme pelindung, dengan menekankan gabungan antara kepercayaan kepada matlamat dan strategi untuk mencapainya. Akhir sekali, Teori Interpersonal Bunuh Diri oleh Van Orden et al. (2010) menggariskan bahawa perasaan keterasingan dan bebanan merupakan pemicu utama kepada idea membunuh diri. Kesemua teori ini memberikan asas konseptual yang kukuh untuk menjelaskan hubungan antara trauma zaman kanak-kanak, penghindaran sosial, harapan, dan idea membunuh diri, khususnya dalam konteks pelajar universiti di Malaysia.

Di Malaysia, kadar bunuh diri meningkat secara mendadak dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Polis Diraja Malaysia (PDRM) (2022) melaporkan bahawa bilangan kes bunuh diri di Malaysia telah mengalami trend peningkatan daripada 631 kes pada tahun 2020 kepada 1142 kes pada tahun 2021, dan terdapat 467 kes dalam enam bulan pertama bagi tahun 2022 (Mahani, 2022). Berdasarkan statistik, wanita merupakan jantina yang lebih cenderung terlibat dalam kes bunuh diri. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 mendedahkan terdapat trend peningkatan cubaan bunuh diri atau idea melakukan tindakan itu dalam kalangan remaja dan awal dewasa terutamanya perempuan di negara ini. Menerusi tinjauan itu, sebanyak 13.1 peratus terdiri daripada kalangan remaja perempuan berumur 13 hingga 17 tahun. Hal ini bertepatan dengan kajian Bahk dan kawan-kawannya bahawa penderaan seksual yang lazimnya melibatkan kanak-kanak perempuan sebagai mangsa menjadi pemangkin kepada idea dan cubaan membunuh diri dalam kalangan remaja perempuan (Bahk et al., 2017). Dengan erti kata lain, pengalaman trauma kanak-kanak berkait rapat dengan tindakan membunuh diri pada usia awal (Roy, 2011).

Bukan itu sahaja, trend membunuh diri dalam kalangan pelajar universiti juga dilihat lebih kerap dasawarsa kini di Malaysia. Berita mengenai pelajar universiti yang melakukan bunuh diri telah dilaporkan dan diterbitkan secara meluas. Misalnya, seorang pelajar universiti dari Universiti Sains Malaysia (USM) telah membunuh diri dengan menggantung dirinya di bilik tidurnya di Sibu, Sarawak (Chua, 2021). Tambahan, terdapat juga laporan bahawa seorang pelajar universiti perempuan dari Melaka telah ditemui mati selepas

melompat daripada sebuah apartment (Mamat, 2021). Selain itu, seorang pelajar lelaki berumur 21 tahun telah terjun daripada tingkat 16 di sebuah perumahan yang diuruskan oleh Sunway (FMT, 2022). Dapat dilihat bahawa semua tindakannya yang dibuat ini kebiasaannya sangat berkait dengan diri mangsa yang tidak bermotivasi untuk hidup dan bermula dengan idea membunuh diri terlebih dahulu.

Daripada situ, terdapat kekurangan penyelidikan tempatan mengenai pengaruh trauma kanak-kanak, penghindaran sosial serta harapan terhadap idea dalam membunuh diri. Kebanyakan kajian mengenai keempat-empat pembolehubah ini telah dijalankan dalam persekitaran Barat dan Asia secara berasingan pembolehubahnya. Penghindaran sosial juga dilihat mempunyai dapatan penyelidikan yang minimum lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan idea membunuh diri. Akan tetapi, terdapat satu penyelidikan yang mempunyai dinamik yang seiring yang dilakukan di Asia Timur menerusi penggunaan sampel dari Hong Kong (Kwok et al., 2019). Walau bagaimanapun, masih kurang kajian untuk mengkaji pengaruh trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan harapan terhadap idea dalam membunuh diri di Malaysia.

Walaupun trauma kanak-kanak, penghindaran sosial serta harapan adalah topik yang telah diselidik secara berasingan, terdapat kekurangan kajian di Malaysia yang mengkaji pengaruh ketiga-tiga pembolehubah ini terhadap idea dalam membunuh diri. Memahami hubungan ini adalah penting memandangkan trauma zaman kanak-kanak telah terbukti menjejaskan lebih daripada dua pertiga kanak-kanak yang telah mengalami sekurang-kurangnya satu kejadian traumatik pada usia 16 tahun (Penyalahgunaan Bahan dan Pentadbiran Perkhidmatan Kesihatan Mental (SAMHSA), 2022). Akibat trauma tersebut telah terbukti mempengaruhi pelbagai trajektori perkembangan kanak-kanak, termasuk perkembangan kognitif (Downey et al., 2022; Petkus et al., 2018; Nakayama et al., 2020). Menerusi sebilangan jumlah yang besar bagi individu yang terjejas oleh trauma kanak-kanak, sebahagian daripadanya akan berkembang menjadi dinamik trauma yang lebih kompleks. Bukan itu sahaja, penghindaran sosial serta harapan juga mempunyai perkaitan yang signifikan yang perlu diperjelaskan dalam populasi pelajar universiti di Malaysia ini. Demikian itu, dengan memahami tentang hubungan antara trauma kanak-kanak, penghindaran sosial, harapan serta idea dalam membunuh diri boleh menyerlahkan kesukaran yang dihadapi oleh mereka secara komprehensif iaitu akademik mahupun kehidupan peribadi.

Secara keseluruhan, pelajar universiti merupakan tulang belakang pembangunan sosial pada masa hadapan. Tindakan membunuh diri bagi kalangan pelajar universiti bukan hanya menyebabkan kerugian yang mendalam kepada masyarakat dan universiti, malah ia juga membawa kesakitan mental dan trauma psikologi yang mendalam kepada ahli keluarga dan individu di sekitarnya. Demikian itu, meneroka mekanisme psikologi idea membunuh diri dalam kalangan pelajar universiti serta mendedahkan perkaitan hubungkait dan pengaruh oleh pembolehubah-pembolehubah seperti trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan harapan adalah sangat penting bagi pencegahan dan intervensi bagi menangani kes bunuh diri pelajar universiti.

Sorotan Literatur

Kerangka konseptual kajian ini disokong oleh beberapa teori psikologi utama. Teori Ikatan oleh Bowlby (1958) menerangkan bagaimana kekurangan hubungan emosi yang stabil di awal usia boleh memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi individu. Model Kognitif Fobia Sosial oleh Clark dan Wells (1995) pula menjelaskan bagaimana individu dengan kepercayaan negatif terhadap diri sendiri cenderung untuk mengelakkan situasi sosial. Teori Harapan Snyder (2002) mengemukakan harapan sebagai gabungan kepercayaan kepada matlamat dan strategi untuk mencapainya. Akhir sekali, Teori Interpersonal Bunuh Diri oleh Van Orden et al. (2010) menekankan perasaan keterasingan dan bebanan sebagai pemacu utama idea membunuh diri.

1. Trauma Kanak-Kanak

Kajian terdahulu menunjukkan trauma zaman kanak-kanak mempunyai hubungan signifikan dengan idea membunuh diri (Bahk et al., 2017; Ting et al., 2022). Trauma seperti penderaan emosi dan fizikal boleh mengubah fungsi neuropsikologi individu dan mencetuskan kecenderungan ke arah pemikiran negatif. Terdapat bukti ketara yang menunjukkan tekanan toksik atau pengalaman negatif yang berulang bukan sahaja menyebabkan individu menghadapi penyakit kronik dan kematian awal. Akan tetapi, ia juga mengganggu

fungsi sistem imunologi, neurologi dan endokrin individu, serta menyebabkan kerosakan kekal pada perkembangan otak (Boullier & Blair, 2018). Dapatan oleh Fu et al., (2018) ini sangat selari dengan kajian Azaf et al., (2022) di Malaysia yang melaporkan bahawa penderaan emosi ialah bentuk penderaan berulang (43.8%) yang dialami oleh golongan awal dewasa di Universiti Perdana, diikuti penderaan fizikal (15.7%), pengabaian (6.6%) dan penderaan seksual (2.5%). Menurut Noremy et al., (2012) faktor utama yang mendorong seseorang itu untuk melakukan penderaan fizikal terhadap kanak-kanak adalah faktor personaliti seperti panas baran, cenderung bertindak di luar kawalan, garang, dan mempunyai kawalan emosi yang lemah.

2. Penghindaran Sosial

Penghindaran sosial juga dikaitkan dengan kemurungan dan rasa tidak bernilai, yang mana kedua-duanya merupakan peramal kepada idea bunuh diri (Jiang et al., 2015; Kwok et al., 2019). Kajian menunjukkan bahawa penghindaran sosial secara tidak langsung boleh meramalkan konsep sendiri dan kebahagiaan individu (Bishop et al., 2015). Idea bunuh diri juga dikaitkan dengan penghindaran sosial kerana pengasingan dan kekurangan sokongan sosial boleh meningkatkan perasaan putus asa dalam individu (Motillon et al., 2022). Selain itu, dalam *Post-Traumatic Stress Disorder* (PTSD), penghindaran sosial muncul sebagai mekanisme mengatasi untuk mengelak pengalaman dan emosi yang menyedihkan yang berkaitan dengan peristiwa traumatik sekaligus menghalang pemulihan dan fungsi harian (*American Psychiatric Association*, 2013).

3. Harapan

Dalam konteks positif, harapan didapati memainkan peranan penting sebagai faktor pelindung. Individu yang mempunyai tahap harapan tinggi cenderung untuk melihat masa depan secara optimistik dan mempunyai strategi lebih baik dalam menangani tekanan (Choon et al., 2014; Rasmussen et al., 2023). Penyelidikan terdahulu mendapati bahawa harapan yang tinggi dikaitkan secara positif bukan sahaja menerusi faktor psikologi yang positif, malah ia juga meliputi aspek prestasi akademik seperti ujian pencapaian dan CGPA (Coetzee et al., 2022; Ge et al., 2023). Individu yang mempunyai tahap harapan yang tinggi mampu mencari manfaat dalam menghadapi cabaran, serta mengenal pasti laluan alternatif untuk mengatasi halangan (Affleck & Tennen, 1996). Dalam erti kata lain, individu yang mempunyai tahap harapan yang tinggi mempunyai lebih harga diri, efikasi sendiri yang lebih tinggi, dan tingkah laku yang lebih baik daripada individu yang mempunyai tahap harapan yang rendah (Sun et al., 2014). Secara keseluruhan, harapan ini memainkan peranan yang penting dalam membentuk manfaat kepada diri dan sekaligus membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi pelajar universiti (Keshoofy et al., 2023).

4. Idea Membunuh Diri

Telah terbukti daripada beberapa tinjauan epidemiologi global bahawa idea membunuh diri telah berkembang menjadi masalah yang serius. Walaupun sejumlah besar literatur memfokuskan pada konteks bunuh diri, mencederakan diri yang disengajakan, dan tingkah laku membunuh diri. Namun demikian, sebilangan kecil kajian memfokuskan pada kekerapan idea bunuh diri dalam populasi umum mahupun pelajar universiti. Berdasarkan kajian Mazelan et al., 2022 di Malaysia telah melaporkan bahawa lebih 47.4% daripada responden telah mengalami beberapa kejadian idea membunuh diri sepanjang 12 bulan yang lalu. Namun demikian data ini tidak dapat digeneralisasikan kepada seluruh Malaysia disebabkan oleh teknik persampelannya yang bukan kebarangkalian. Seterusnya, kajian di Ethiopia pula mempamerkan dapatan yang berbeza di mana sebanyak 34% prevalens idea membunuh untuk responden kajian bagi durasi satu tahun (Abdu et al., 2020). Namun, kajian yang meneliti interaksi antara trauma, penghindaran sosial dan harapan secara serentak masih jarang dilakukan dalam konteks Malaysia.

Metodologi

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif bagi mengkaji mengenai perbandingan setiap sosiodemografi iaitu jantina, sosioekonomi dan etnik terhadap keempat-empat pembolehubah kajian, mengukur darjah perkaitan dan juga pengaruh antara pembolehubah bebas iaitu trauma

kanak-kanak, penghindaran sosial dan juga harapan terhadap pembolehubah bersandar iaitu idea membunuh diri. Penggunaan reka bentuk sebegini akan membantu pengkaji dalam memperoleh data yang diperlukan sepanjang pelaksanaan kajian. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) di mana pengkaji menggunakan alat ujian *Self-Rating Idea of Suicide Scale* (SIOSS), *Childhood Trauma Questionnaire - Short Form* (CTQ-SF), *Social Avoidance and Distress Scale* (SADS) dan *Hope Scale* (HS).

Kaedah tinjauan merupakan satu pendekatan yang sesuai dalam menjadi indikator pengukuran pandangan sampel terhadap sesuatu topik ataupun isu, pencapaian matlamat sesuatu program serta tingkah laku dan sikap (Zhang et al., 2017). Demikian itu, pengkaji memilih kaedah tinjauan bagi kajian ini untuk memperoleh data yang diperlukan agar objektif dan soalan kajian yang telah ditetapkan akan terjawab. Melalui reka bentuk tinjauan ini, ia membolehkan pengkaji untuk mengumpul maklumat daripada sampel populasi yang telah ditentukan pada satu jangka masa tertentu (Evans et al., 2018). Tambahan pula, pemilihan sampel bagi kajian ini adalah berpanduan kepada persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) yang melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang sedang menyambung pembelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Populasi untuk kajian ini terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi Ijazah Sarjana Muda yang sedang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia yang terletak di selatan Selangor iaitu Bangi dan juga Kuala Lumpur. Antara faktor yang menyumbang kepada pemilihan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai populasi kajian adalah disebabkan oleh jumlah pelajarnya yang ramai. Justeru, pengkaji menggunakan formula Krejcie dan Morgan (1970) seperti jadual 3.1 yang tertera di bawah, sebagai panduan untuk menentukan jumlah saiz sampel yang diperlukan (Krejcie & Morgan, 1970). Saiz sampel boleh ditakrifkan sebagai subset populasi yang diperlukan untuk tujuan kajian (Sekaran & Bougie, 2010). Bagi Universiti Kebangsaan Malaysia cawangan Bangi dan Kuala Lumpur, saiz populasi bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda dianggarkan seramai 20188 lebih pelajar (Pentadbiran Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024).

Pemilihan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi dan Kuala Lumpur adalah bertepatan kerana kedua-duanya mewakili kelompok pelajar bandar yang terdedah kepada pelbagai tekanan akademik dan sosial. Kedua-dua lokasi ini menempatkan pelajar daripada latar belakang yang pelbagai, sama ada dari segi budaya, sosioekonomi mahupun pengalaman hidup, sekali gus menjadikan mereka kumpulan yang relevan untuk mengkaji pengaruh trauma zaman kanak-kanak, penghindaran sosial, harapan, dan idea membunuh diri. Selain itu, kedudukan Bangi sebagai bandar satelit yang pesat membangun dan Kuala Lumpur sebagai pusat ibu negara turut memperlihatkan persamaan dari segi kepadatan penduduk, cabaran gaya hidup moden, serta tuntutan akademik yang tinggi. Justeru, pemilihan kedua-dua kawasan ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kesejahteraan mental pelajar universiti di Malaysia.

Berdasarkan jadual 1 iaitu indikator penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), apabila saiz populasi menunjukkan seramai 20188 orang, justeru jumlah saiz sampel kajian haruslah dalam anggaran 379 orang. Oleh yang demikian, pengkaji akan mengambil 379 pelajar daripada 13 fakulti tersebut untuk mewakili saiz sampel di dalam kajian ini. Sampel bagi kajian ini akan dipilih secara persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) berdasarkan 13 fakulti yang terdapat dalam Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Fakulti Farmasi, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Fakulti Pendidikan, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Pergigian, Fakulti Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Sains & Teknologi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Fakulti Undang-Undang serta Pusat Pengajian Citra Universiti.

Jadual 1. Spesifikasi penentuan saiz sampel

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
10	59	380	191	2800	338
15	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	91	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	315
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	15000	382
210	136	1100	285	1000000	384


Sumber: Krejcie & Morgan (1970)

Menerusi kajian ini, pembolehubah trauma kanak-kanak, penghindaran sosial, harapan dan juga idea membunuh diri diukur melalui satu set soal selidik yang telah lengkap dibahagikan kepada lima komponen utama iaitu: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E. Jadual 2 akan mempamerkan secara umum keseluruhan intipati set soal selidik bagi kajian ini.

Jadual 2. Intipati soal selidik

Komponen	Butiran	Jumlah Item	Pembolehubah
Bahagian A	Maklumat Demografi Sampel	6	Bebas
Bahagian B	Soal Selidik Trauma Kanak-Kanak; Versi Ringkas - <i>Childhood Trauma Questionnaire - Short Form (CTQ-SF)</i>	28	Bebas
Bahagian C	Skala Penghindaran Sosial dan Distress - <i>Social Avoidance and Distress Scale (SADS)</i>	28	Bebas
Bahagian D	Skala Harapan - <i>Hope Scale (HS)</i>	12	Bebas
Bahagian E	Idea Penilaian Kendiri Skala Bunuh Diri - <i>Self-Rating Idea of Suicide Scale (SIOSS)</i>	26	Bersandar
Jumlah		100	

Prosedur yang terlibat dalam kajian ini terbahagi kepada dua fasa (rujuk rajah 1). Pada fasa pertama melibatkan pengkaji mendapatkan kelulusan etika penyelidikan, menterjemah alat ujian dan menjalankan kajian rintis. Pengkaji telah melakukan penterjemahan bagi instrumen penghindaran sosial, harapan dan idea membunuh diri daripada bahasa inggeris kepada bahasa melayu dengan bantuan organisasi syarikat penterjemahan yang berlesen untuk menterjemah intipati soal selidik. Selepas itu, kaedah *backward translation* juga telah dilaksanakan dengan bantuan 2 orang pakar dwibahasa yang mempunyai ijazah sarjana muda berkaitan bahasa Inggeris untuk menterjemah semula Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris. Kemudian, bagi mendapatkan kesahan kandungan, 2 orang pakar telah dilantik untuk melihat konteks penterjemahan agar selari dengan item asal bagi SADS, HS dan SIOSS. Fasa kedua adalah menjalankan kajian sebenar terhadap populasi pelajar UKM.



Rajah 1. Prosedur kajian dalam mendapatkan data

Kajian ini menjalankan kajian rintis ke atas sekumpulan 32 orang pelajar sarjana muda dari universiti awam terpilih untuk menguji kebolehpercayaan instrumen. Kumpulan itu terdiri daripada 11 lelaki dan 21 wanita. Semua soalan dijalankan atas talian dan dijawab dalam masa 20-25 minit oleh pelajar. Mereka tidak mengalami kesukaran untuk memahami soalan. Oleh itu, tiada kesukaran ditemui dalam soal selidik. Masa yang diperuntukkan juga cukup untuk pelajar. Untuk mewujudkan ketekalan dalaman bagi keempat-empat instrumen Trauma Kanak-Kanak, Penghindaran Sosial dan Distress, Harapan serta Idea Membunuh Diri, Alfa Cronbach telah digunakan dan dibentangkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3. Alfa Cronbach bagi semua alat ujian

Instrumen	Alfa Cronbach
Trauma Kanak-Kanak - Versi Ringkas (CTQ-SF)	0.786
Skala Penghindaran Sosial dan Distress (SADS)	0.905
Skala Harapan (HS)	0.776
Penilaian Kendiri Skala Idea Bunuh Diri (SIOSS)	0.784

Bagi analisis data, ia dilaksanakan menerusi dua program statistik iaitu JAMOWI dan juga *Statistical Package for Science Social* (SPSS) versi 23.0. Berdasarkan dapatan daripada soal selidik, maklumat yang diterima akan dikumpulkan serta dikodkan bagi memudahkan pengkaji untuk memasukkan data ke komputer. Daripada situ, penyelidik akan melaksanakan penganalisan bagi setiap data yang diperolehi dengan menggunakan kedua-dua program tersebut. Menurut Johnston, penggunaan program SPSS dalam menganalisis data dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat (Johnston, 2017).

Hasil Kajian

Analisis deskriptif digunakan untuk melaporkan setiap tahap pembolehubah bebas - trauma kanak-kanak, penghindaran sosial, harapan dan pembolehubah bersandar - idea membunuh diri, untuk menjawab persoalan kajian. Berikut adalah keputusan analisis deskriptif yang dinyatakan.

1. Jenis Trauma Kanak-Kanak

Jadual 4 menunjukkan jenis trauma kanak-kanak yang dihadapi oleh pelajar universiti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Berdasarkan jadual di atas, dimensi trauma kanak-kanak yang paling tinggi dalam kalangan responden adalah pengabaian emosi yang mempunyai nilai min 1.92, dengan nilai sisihan piawai 1.60. Selanjutnya, penderaan emosi berada di tempat kedua tertinggi dengan nilai min dan sisihan piawai sebanyak 1.86 dan 1.60. Diikuti dengan dimensi penderaan fizikal menerusi nilai min 1.53 (SD = 1.20) dan pengabaian fizikal iaitu min sebanyak 1.49 (SD = 1.40). Akhir sekali, dimensi trauma kanak-kanak yang paling rendah dalam kalangan pelajar universiti adalah penderaan seksual yang mempunyai nilai min sebanyak 1.31 dengan sisihan piawainya sebanyak 1.00. Tambahan, min dan sisihan piawai keseluruhan bagi trauma kanak-kanak ini adalah 1.83 dan juga 0.408.


Jadual 4. Analisis jenis trauma kanak-kanak dalam kalangan pelajar university

Dimensi Trauma Kanak-Kanak	Min	Sisihan Piawai	Median
Penderaan Fizikal	1.53	0.724	1.20
Penderaan Emosi	1.86	0.860	1.60
Penderaan Seksual	1.31	0.675	1.00
Pengabaian Fizikal	1.49	0.509	1.40
Pengabaian Emosi	1.92	0.955	1.60

Dapatan ini menunjukkan bahawa bentuk trauma kanak-kanak yang paling dominan dalam kalangan pelajar adalah pengabaian emosi dan penderaan emosi, manakala penderaan seksual dilaporkan pada tahap paling rendah. Hal ini menggambarkan bahawa aspek emosi merupakan dimensi trauma yang paling kerap dialami responden berbanding bentuk trauma lain.

Bernstein dan Fink (1998) turut menjelaskan tahap keterukan terhadap trauma zaman kanak-kanak yang dihadapi. Skor bagi 'teruk' atau *severe* bagi setiap dimensi adalah lebih daripada 13 untuk penderaan emosi, lebih daripada 10 untuk penderaan fizikal, lebih daripada 8 untuk penderaan seksual, lebih daripada 15

untuk pengabaian emosi dan lebih daripada 10 untuk pengabaian fizikal. Berdasarkan Rajah 2, dimensi penderaan fizikal menunjukkan bilangan responden paling tinggi iaitu seramai 35 orang yang diwakili sebanyak 21% daripada jumlah responden. Manakala dimensi penderaan emosi berada di tempat kedua iaitu dengan jumlah responden seramai 31 orang sekaligus mewakili 18.5%. Selanjutnya, pengabaian fizikal berada di tempat yang ketiga tertinggi dengan 26 orang responden (15.5%) diikuti dengan dimensi penderaan seksual ($n = 24$) dan akhirnya adalah pengabaian emosi iaitu seramai 23 orang (13.7%).



Rajah 2. Graf bar bagi jumlah peratusan skor “teruk” mengikut dimensi trauma zaman kanak-kanak

2. Tahap Penghindaran Sosial

Untuk menjawab persoalan kajian seterusnya, analisis deskriptif digunakan untuk menentukan tahap penghindaran sosial. Jumlah markah dalam Skala Penghindaran Sosial dan Distres masing-masing menunjukkan dapatan tahap yang rendah, sederhana dan tinggi. Alat ujian ini juga menyatakan bahawa semakin tinggi skor maka ia menunjukkan semakin tinggi penghindaran sosial seseorang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min dan sisihan piawai bagi tahap penghindaran sosial adalah 0.464 dan juga 0.284. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, seramai 95 responden mempunyai dapatan majoriti bagi tahap penghindaran sosial tinggi, yang diwakili sebanyak 56.5%. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden kajian ini mempunyai tahap penghindaran sosial yang tinggi. Lalu diikuti oleh 37.0% ($n=62$) yang mempamerkan dapatan tahap penghindaran sosial yang sederhana. Akhirnya, peratusan terendah responden adalah pada tahap penghindaran sosial yang rendah iaitu sebanyak 11 responden sahaja (6.5%).

Jadual 5. Kekerapan tahap penghindaran sosial ($n = 168$)

Tahap Penghindaran Sosial	Indikator Pembolehubah	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Rendah	0 - 1	11	6.5
Sederhana	2 - 11	62	37.0
Tinggi	> 12	95	56.5

3. Tahap Harapan

Untuk melihat tahap harapan, analisis deskriptif digunakan untuk menentukan tahap harapan bagi responden kajian. Tafsiran skor bagi tahap harapan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6 di bawah. Jumlah markah antara 1 hingga 4.97 dianggap tahap yang rendah; skor antara 4.98 dan 6.96 dianggap pertengahan; dan skor lebih daripada 6.97 dianggap tahap yang tinggi. Skor keseluruhan yang lebih tinggi menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap harapan yang tinggi.

Jadual 6. Kekerapan tahap harapan (n = 168)

Tahap Harapan	Indikator Pembolehubah	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Rendah	1 - 4.97	19	11.3
Pertengahan	4.98 - 6.96	130	77.4
Tinggi	> 6.97	19	11.3

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 di atas, responden pelajar universiti mempunyai skor min harapan ialah 5.97 (SD = 0.991). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden dalam kajian ini telah menggambarkan tahap harapan yang sederhana atau di peringkat pertengahan. Jadual 6 juga menunjukkan bahawa sejumlah 130 responden mempunyai peratusan tertinggi bagi skor tahap harapan yang sederhana, iaitu 77.4%. Seterusnya diikuti oleh tahap harapan rendah dan tahap harapan tinggi yang berkongsi dapatan yang sama iaitu 11.3% ($n=19$).

4. Tahap Idea Membunuh Diri

Jumlah skor yang mempamerkan dapatan 12 dan ke atas sudah menunjukkan indikator kepada kewujudan idea membunuh diri. Justeru, skor yang lebih tinggi mempamerkan kepada dapatan idea membunuh diri yang lebih teruk. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7, responden pelajar universiti mempunyai skor min idea membunuh diri ialah 0.489 (SD = 0.145). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden dalam kajian ini telah menggambarkan kewujudan idea bunuh diri. Seramai 104 responden mempunyai dapatan majoriti bagi skor wujudnya idea bunuh diri, yang diwakili sebanyak 61.9%. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden kajian ini mempunyai idea bunuh diri dalam kehidupan mereka walaupun sekali. Lalu diikuti oleh 38.1% ($n=64$) yang mempamerkan dapatan tiada kewujudan idea membunuh diri.

Jadual 7. Kekerapan tahap idea membunuh diri (n = 168)

Tahap Idea Membunuh Diri	Indikator Pembolehubah	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Tiada Kewujudan Idea Bunuh Diri	0 - 11	64	38.1
Wujud Idea Bunuh Diri	12 >	104	61.9

5. Hubungan antara Trauma Kanak-Kanak dan Idea Membunuh Diri

Berdasarkan Jadual 8, hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat gabungan dapatan antara korelasi positif lemah, korelasi positif lemah yang signifikan, korelasi positif sederhana yang signifikan serta korelasi positif kuat yang signifikan bagi dimensi trauma kanak-kanak. Misalnya, majoritinya menunjukkan dapatan korelasi positif yang lemah antara dimensi trauma kanak-kanak seperti penderaan seksual dan pengabaian fizikal (Cohen, 1988). Korelasi positif yang lemah melibatkan dimensi antara penderaan seksual dan pengabaian fizikal, $r = 0.066$, $n = 168$, $p > .05$. Dapatan analisis diteruskan dengan korelasi positif lemah yang signifikan iaitu melibatkan dimensi antara pengabaian fizikal dan penderaan fizikal, $r = 0.246$, $n = 168$, $p < .01$, antara dimensi pengabaian emosi dan penderaan fizikal, $r = 0.265$, $n = 168$, $p < .001$, dan juga antara dimensi pengabaian emosi dan penderaan seksual, $r = 0.209$, $n = 168$, $p < .01$. Analisis korelasi bagi dimensi trauma kanak-kanak diteruskan menerusi dapatan korelasi positif sederhana yang signifikan iaitu melibatkan dimensi penderaan seksual dan penderaan fizikal, $r = 0.459$, $n = 168$, $p < .001$, antara dimensi penderaan seksual dan penderaan emosi, $r = 0.408$, $n = 168$, $p < .001$ serta dimensi pengabaian fizikal dan penderaan emosi, $r = 0.424$, $n = 168$, $p < .001$. Akhirnya, terdapat tiga hubungan dimensi trauma kanak-kanak yang menunjukkan korelasi positif kuat yang signifikan iaitu di antara dimensi penderaan emosi dan penderaan fizikal, $r = 0.598$,

$n = 168$, $p < .001$, antara dimensi pengabaian emosi dan penderaan emosi, $r = 0.613$, $n = 168$, $p < .001$ dan juga antara dimensi pengabaian emosi dan pengabaian fizikal, $r = 0.647$, $n = 168$, $p < .001$.

Seterusnya, bagi korelasi antara dimensi trauma kanak-kanak dan juga idea membunuh diri pula, kedua-dua pembolehubah mempamerkan hubungan yang positif. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat gabungan dapatan antara korelasi positif lemah yang signifikan serta korelasi positif sederhana yang signifikan bagi kedua-dua pembolehubah ini. Korelasi positif lemah yang signifikan melibatkan dimensi penderaan fizikal dan idea membunuh diri, $r = 0.255$, $n = 168$, $p < .01$ dan antara dimensi penderaan seksual dan idea membunuh diri, $r = 0.189$, $n = 168$, $p < .05$. Dapatan analisis diteruskan dengan korelasi positif sederhana yang signifikan iaitu melibatkan dimensi penderaan emosi dan idea membunuh diri, $r = 0.468$, $n = 168$, $p < .001$ serta dimensi pengabaian fizikal dan juga idea membunuh diri, $r = 0.311$, $n = 168$, $p < .001$ dan akhirnya dimensi pengabaian emosi dan idea membunuh diri, $r = 0.384$, $n = 168$, $p < .001$.

Jadual 8. Korelasi pearson bagi dimensi trauma kanak-kanak dan idea membunuh diri

	1	2	3	4	5
Penderaan Fizikal	—				
Penderaan Emosi	0.596 ***	—			
Penderaan Seksual	0.459 ***	0.408 ***	—		
Pengabaian Fizikal	0.246 **	0.424 ***	0.066	—	
Pengabaian Emosi	0.265 ***	0.613 ***	0.209 **	0.647 ***	—
Idea Membunuh Diri	0.225 **	0.468 ***	0.189 *	0.311 ***	0.384 ***

Nota. * $p < .05$, ** $p < .01$, *** $p < .001$

Secara keseluruhan, berikut merupakan antara dimensi trauma kanak-kanak yang mempunyai hubungan signifikan dengan idea membunuh diri. Analisis Pearson menunjukkan bahawa kesemua dimensi trauma kanak-kanak seperti penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual, pengabaian fizikal dan pengabaian emosi mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap idea membunuh diri. Justeru hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara trauma kanak-kanak dan idea dalam membunuh diri dalam kalangan pelajar universiti adalah ditolak. Hal ini kerana kelima-lima daripada dimensi trauma kanak-kanak mempamerkan dapatan perhubungan yang signifikan terhadap idea membunuh diri.

6. Hubungan antara Penghindaran Sosial dan Idea Membunuh Diri

Berdasarkan jadual 9, didapati terdapat hubungan positif sederhana yang signifikan antara tahap penghindaran sosial dengan idea membunuh diri, $r = 0.302$, $n = 168$, $p < .001$ (Cohen, 1988). Nilai r yang dicapai ialah (0.303) yang bermaksud kedua-dua pembolehubah tersebut mempunyai hubungan positif. Oleh itu, hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap penghindaran sosial, maka semakin meningkat tahap idea membunuh diri pelajar universiti. Nilai signifikan bagi korelasi kedua-dua pemboleh ubah ini adalah $p < .001$. Justeru hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penghindaran sosial dan idea membunuh diri dalam kalangan pelajar universiti adalah ditolak. Hal ini kerana kedua-dua pembolehubah penghindaran sosial dan idea membunuh diri mempunyai hubungan positif yang signifikan.

Jadual 9. Korelasi pearson bagi penghindaran sosial dan idea membunuh diri

	1	2
1 Harapan	—	
2 Idea Membunuh Diri	-0.332 ***	—

Nota. * $p < .05$, ** $p < .01$, *** $p < .001$

7. Hubungan antara Harapan dan Idea Membunuh Diri

Berdasarkan jadual 10, didapati terdapat hubungan negatif sederhana yang signifikan antara tahap harapan dengan idea membunuh diri, $r = -0.332$, $n = 168$, $p < .001$ (Cohen, 1988). Nilai r yang dicapai ialah (-0.332) yang bermaksud kedua-dua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan songsang. Oleh itu, hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap harapan, maka semakin berkurang tahap idea membunuh diri pelajar universiti. Nilai signifikan bagi korelasi kedua-dua pemboleh ubah ini adalah $p < .001$. Justeru hipotesis nol 6 yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara harapan dan idea membunuh diri dalam kalangan pelajar universiti adalah ditolak. Hal ini kerana kedua-dua pemboleh ubah harapan dan idea membunuh diri mempunyai hubungan negatif yang signifikan.

Jadual 10. Korelasi pearson bagi Harapan dan Idea Membunuh Diri

Model	R	Kuasa dua R	Adjusted R Square	p
1	0.499	0.249	0.236	<.001

8. Pengaruh Trauma Kanak-Kanak, Penghindaran Sosial dan Harapan terhadap Idea Membunuh Diri

Regresi linear berganda telah digunakan dalam kajian ini untuk menjawab persoalan kajian, dan keputusan ditunjukkan dalam Jadual 11 - 13. Pengaruh trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan harapan terhadap idea membunuh diri telah diterokai dan hasilnya akan dilampirkan dalam ringkasan model di Jadual 11. Nilai R dalam jadual ringkasan model menunjukkan betapa tepat ramalan dan menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear antara pemboleh ubah IV dan DV. Model regresi ini adalah signifikan, $F(3, 164) = 18.2$, $p < .001$. Hal ini kerana nilai p bagi model regresi adalah $< .001$ yang mana menunjukkan ianya signifikan kerana tidak melebihi daripada .05. Nilai R dalam jadual ialah 0.499, bermakna ramalan adalah baik. Kuasa dua R menunjukkan bahawa pekali penentuan ialah 0.249, yang menunjukkan bahawa varians dalam trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan harapan menyumbang 24.9% kepada varians dalam idea membunuh diri.

Jadual 11. Ringkasan Model

- Peramal: (Malar), Trauma Kanak-Kanak, Penghindaran Sosial, Harapan
- Pemboleh ubah Bersandar: Idea Membunuh Diri

Jadual 12 pula menunjukkan keputusan jadual ANOVA daripada regresi. Secara ringkasnya, jadual ANOVA menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan juga harapan, dengan nilai dapatan bagi trauma kanak-kanak $F(1, 159) = 19.13$, $M = 0.3090$, penghindaran sosial $F(1, 159) = 6.16$, $M = 0.0994$ serta dapatan pemboleh ubah harapan $F(1, 159) = 6.02$, $M = 0.0972$. Keputusan bagi tiga jenis pemboleh ubah ini dianggap signifikan kerana nilai p adalah kurang daripada .05, iaitu 0.01, 0.014 dan 0.015 sekaligus menunjukkan kepada penolakan hipotesis. Ini bermaksud terdapat pengaruh yang signifikan bagi trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan harapan terhadap idea membunuh diri.

Jadual 12. Jadual ANOVA

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Trauma Kanak-Kanak	0.3090	1	0.3090	19.13	<.001
Penghindaran Sosial	0.0994	1	0.0994	6.16	0.014
Harapan	0.0972	1	0.0972	6.02	0.015
Residuals	2.50715	159	0.01577		

a. Pembolehubah Bersandar: Idea Membunuh Diri

b. Peramal: (Malar), Trauma Kanak-Kanak, Penghindaran Sosial, Harapan

Jadual pekali dalam regresi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13 menunjukkan kesan pembolehubah trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan harapan terhadap idea membunuh diri bagi pelajar universiti di Universiti Kebangsaan Malaysia. Keputusan menunjukkan bahawa trauma kanak-kanak menjadi peramal positif terhadap idea membunuh diri pelajar universiti, menerusi hasil dapatan $B = .01141$, 95% CI [0.1757, 0.4649] dan nilai $p < .01$. Nilai-p adalah di bawah 0.05, menunjukkan bahawa pembolehubah trauma kanak-kanak merupakan peramal yang signifikan terhadap idea membunuh diri bagi pelajar universiti yang belajar di UKM. Antara dimensi yang paling signifikannya bagi trauma kanak-kanak ini adalah penderaan emosi

Seterusnya, pembolehubah penghindaran sosial pula adalah peramal yang positif bagi idea membunuh diri, dengan dapatan $B = 0.0903$, 95% CI [0.0360, 0.3168] dan $p = .014$. Nilai p adalah kurang daripada 0.05, yang mana ia menunjukkan bahawa penghindaran sosial merupakan peramal yang signifikan terhadap idea membunuh diri bagi pelajar universiti. Akhirnya, pembolehubah harapan dilihat sebagai peramal negatif bagi idea membunuh diri untuk pelajar universiti, menerusi dapatan $B = -0.0212$, 95% CI [-0.3237, -0.0350] dan $p < .05$. Ini menunjukkan bahawa menunjukkan bahawa harapan merupakan peramal yang signifikan terhadap idea membunuh diri bagi pelajar universiti yang belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Secara keseluruhan, hipotesis nol 7 adalah ditolak kerana hasil kajian menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara trauma kanak-kanak, penghindaran sosial dan harapan terhadap idea membunuh diri dalam kalangan pelajar universiti. Buktinya, pembolehubah trauma kanak-kanak, penghindaran sosial beserta harapan merupakan peramal yang signifikan terhadap idea membunuh diri bagi pelajar universiti

Jadual 13. Jadual pekali

Pekali						
95% Confidence Interval						
Predictor	Estimate (B)	Lower	Upper	t	Sig.	Stand. Estimate (Beta)
(Tetap)	0.3714			4.38	<.001	
Trauma Kanak-Kanak	0.1141	0.1757	0.4649	4.37	<.001	0.320
Penghindaran Sosial	0.0903	0.0360	0.3168	2.48	0.014	0.176
Harapan	-0.0212	-0.3237	-0.0350	-2.45	0.015	-0.179

Perbincangan

1. Dimensi Trauma Kanak-Kanak, Tahap Penghindaran Sosial, Tahap Harapan dan Tahap Idea Membunuh Diri

Jenis trauma kanak-kanak yang dialami oleh pelajar UKM menunjukkan bahawa pengabaian emosi merupakan bentuk trauma paling lazim ($M = 1.92$, $SD = 1.60$), diikuti oleh penderaan emosi ($M = 1.86$, $SD = 1.60$). Dapatan ini seiring dengan kajian oleh Fu et al. (2018) dan Azaf et al. (2022) yang mendapati bentuk trauma berkaitan emosi adalah paling dominan dalam kalangan pelajar universiti. Pengabaian emosi lazimnya berlaku apabila penjaga gagal memberikan sokongan dan perhatian semasa fasa perkembangan awal, yang akhirnya memberi kesan mendalam terhadap harga diri, kestabilan emosi dan hubungan interpersonal (Kumari, 2020; Zhang et al., 2022). Pengalaman ini sering meninggalkan kesan psikologi jangka panjang termasuk kebimbangan sosial dan kesukaran dalam pembentukan identiti diri (Bernstein & Fink, 1998).

Penderaan emosi sebagai dimensi kedua tertinggi turut dikaitkan dengan corak pemikiran negatif dan tekanan psikologi yang boleh meningkatkan risiko kemurungan, kebimbangan serta idea membunuh diri (Azaf et al., 2022; Taillieu et al., 2016). Keterlihatan trauma emosi yang tinggi ini menekankan keperluan kepada intervensi psikologi yang berfokus kepada pengurusan emosi dan pengukuhan sokongan sosial dalam kalangan pelajar universiti.

Sementara itu, penderaan fizikal ($M = 1.53$, $SD = 1.20$) dan pengabaian fizikal ($M = 1.49$, $SD = 1.40$) turut dilaporkan tetapi pada tahap yang lebih rendah. Dapatan ini tidak sejajar dengan kajian di India oleh Adhilakshmi et al. (2021) yang mengenal pasti penderaan fizikal sebagai dimensi trauma tertinggi, mungkin disebabkan faktor sosioekonomi, budaya dan patriarki yang berakar umbi (Fernandes et al., 2021). Walaupun begitu, kedua-dua bentuk trauma fizikal ini tetap signifikan kerana boleh menjejaskan fungsi neurologi dan perkembangan otak (Boullier & Blair, 2018), serta mengakibatkan kesan psikososial jangka panjang seperti rasa terbiar dan pengasingan sosial (Miller et al., 2016).

Penderaan seksual pula mencatat nilai terendah ($M = 1.31$, $SD = 1.00$), konsisten dengan dapatan di China dan Malaysia (Fu et al., 2018; Azaf et al., 2022). Namun, walaupun kelazimannya rendah, kesannya terhadap kesihatan mental sering kali lebih serius, melibatkan trauma kompleks dan gangguan tekanan pascatrauma (PTSD) yang berpanjangan. Secara keseluruhan, dimensi trauma kanak-kanak yang dikenal pasti dalam kajian ini menunjukkan bahawa walaupun tahapnya sederhana, implikasi terhadap kesejahteraan psikologi pelajar tetap signifikan dan memerlukan perhatian awal (Center for Substance Abuse Treatment, 1970).

Dari segi penghindaran sosial, lebih separuh daripada responden (56.5%) menunjukkan tahap yang tinggi, menunjukkan bahawa ramai pelajar berasa tidak selesa dalam persekitaran sosial dan cenderung menjauhkan diri daripada interaksi sosial. Keadaan ini selari dengan dapatan Ypsilanti (2018) dan Yuan et al. (2022) yang mengaitkan penghindaran sosial dengan kemurungan, kesunyian dan harga diri yang rendah. Pelajar yang mempunyai tahap penghindaran sosial yang tinggi sering menghadapi kesukaran membentuk persahabatan, menyertai aktiviti kumpulan, dan menyesuaikan diri dengan suasana kampus. Ini menunjukkan perlunya universiti memperkukuh sistem sokongan kesihatan mental dan menyediakan program bimbingan berfokus kepada kemahiran sosial serta pengurusan kebimbangan.

Tahap harapan pula didapati sederhana bagi kebanyakan pelajar (77.4%), menunjukkan keseimbangan antara optimisme dan keraguan terhadap masa depan. Tahap harapan yang sederhana ini mencerminkan keperluan untuk memperkukuh aspek penetapan matlamat dan strategi pencapaian melalui intervensi psikologi seperti *hope therapy* (Rand et al., 2020; Bryce et al., 2021). Selain itu, faktor sosiodemografi seperti status ekonomi dan sokongan sosial turut mempengaruhi tahap harapan pelajar (Hammoudi Halat et al., 2023). Maka, universiti disarankan untuk memperkukuh dasar sokongan dan program pembangunan diri yang memupuk daya tahan serta optimisme akademik pelajar.

Akhirnya, idea membunuh diri didapati pada tahap membimbangkan dengan 61.9% responden melaporkan pernah mengalaminya sekurang-kurangnya sekali. Dapatan ini lebih tinggi berbanding kajian Mazelan et al. (2022) di Malaysia dan selari dengan dapatan antarabangsa oleh Abdu et al. (2020) serta Ram et al. (2018). Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar universiti adalah kumpulan berisiko tinggi disebabkan

tekanan akademik, sosial dan ekonomi yang ketara. Oleh itu, universiti perlu menumpukan perhatian terhadap strategi pencegahan dan intervensi awal seperti saringan kesihatan mental, kaunseling serta pengukuhan rangkaian sokongan rakan sebaya bagi mengurangkan stigma dan memupuk budaya kesejahteraan mental (Ahad et al., 2023).

2. Hubungan antara Trauma Kanak-Kanak, Penghindaran Sosial, Harapan terhadap Idea Membunuh Diri
Kajian ini menunjukkan bahawa trauma kanak-kanak mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap idea membunuh diri dalam kalangan pelajar universiti. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa pengalaman negatif pada peringkat awal kehidupan, seperti penderaan fizikal, seksual, dan pengabaian emosi, boleh meninggalkan kesan mendalam terhadap kestabilan emosi dan fungsi psikologi individu pada masa dewasa. Menurut Dye (2018) dan Nan et al. (2023), trauma yang dialami semasa kanak-kanak boleh menjejaskan perkembangan keupayaan kawalan emosi serta menanam rasa tidak berharga, yang akhirnya membawa kepada pemikiran untuk menamatkan kehidupan. Bahk et al. (2017) turut menegaskan bahawa penderaan seksual merupakan antara bentuk trauma yang paling kuat hubungannya dengan kecenderungan bunuh diri, kerana ia melibatkan pencabulan integriti diri dan menimbulkan rasa malu yang mendalam.

Dalam konteks pelajar universiti, pengalaman trauma yang tidak diurus dengan baik boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi dan penyesuaian sosial. Muwanguzi et al. (2023) menekankan bahawa remaja dan dewasa muda yang mempunyai sejarah penderaan emosi atau pengabaian lebih cenderung mengalami kemurungan dan idea membunuh diri, terutama apabila kekurangan sokongan sosial. Walau bagaimanapun, peranan keluarga yang penyayang dan sistem sokongan yang kukuh dapat mengurangkan kesan trauma tersebut (Ihme et al., 2022). Ini menunjukkan bahawa interaksi antara faktor risiko dan faktor pelindung adalah penting dalam memahami kesejahteraan mental pelajar.

Sementara itu, penghindaran sosial juga didapati mempunyai hubungan positif dengan idea membunuh diri. Individu yang menunjukkan kecenderungan mengasingkan diri sering berdepan kesukaran dalam menjalin hubungan interpersonal dan kurang mendapat sokongan emosi daripada rakan sebaya. Fenomena ini meningkatkan risiko tekanan psikologi serta perasaan terasing daripada komuniti sosial. Kajian Zhu et al. (2024) dan Jia et al. (2024) mendapati bahawa penghindaran sosial berperanan sebagai faktor peramal kepada peningkatan kebimbangan, kemurungan, serta idea bunuh diri. Oppenheimer et al. (2020) dan Fong & Yip (2023) pula menegaskan bahawa perasaan terpinggir dan kekurangan keintiman sosial menimbulkan kekosongan emosi yang akhirnya menyumbang kepada keputusan. Dalam kalangan pelajar universiti, tekanan akademik, perbandingan sosial, dan persekitaran yang kompetitif boleh memperhebat tingkah laku menghindar ini, sekali gus meningkatkan risiko idea membunuh diri.

Sebaliknya, tahap harapan yang tinggi menunjukkan hubungan negatif yang signifikan terhadap idea membunuh diri. Dapatan ini konsisten dengan teori harapan Snyder (2002) yang menegaskan bahawa harapan terdiri daripada dua komponen utama iaitu agensi (keyakinan terhadap keupayaan mencapai matlamat) dan laluan (keupayaan mencari alternatif apabila berhadapan halangan). Individu yang memiliki tahap harapan tinggi cenderung lebih berdaya tahan dan mampu menyesuaikan diri dengan cabaran hidup. Chang (2017) dan Jin et al. (2023) mendapati bahawa harapan berfungsi sebagai mekanisme pelindung yang dapat mengurangkan tekanan dan mencegah pemikiran bunuh diri. Dalam konteks tempatan, Sinniah et al. (2015) turut melaporkan bahawa tahap harapan yang rendah berkait rapat dengan idea bunuh diri dalam kalangan remaja Malaysia, menunjukkan peranan universal konstruk ini dalam melindungi kesejahteraan psikologi.

Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini menegaskan bahawa trauma kanak-kanak dan penghindaran sosial berfungsi sebagai faktor risiko terhadap idea membunuh diri, manakala harapan pula bertindak sebagai faktor pelindung. Ketiga-tiganya saling melengkapi dalam menjelaskan mekanisme psikologi yang mendasari tingkah laku bunuh diri. Trauma membentuk corak kognitif dan emosi yang negatif, penghindaran sosial memperkukuh rasa terasing, manakala harapan berpotensi menjadi sumber daya dalaman untuk menentang desakan bunuh diri. Oleh itu, intervensi psikologi yang menyasarkan golongan pelajar universiti perlu memberi tumpuan kepada pemulihan trauma masa lalu, pengukuhan kemahiran sosial, serta peningkatan tahap harapan dan kecekapan emosi bagi mengurangkan risiko idea membunuh diri.

Hasil kajian ini juga memberikan implikasi penting terhadap dasar dan amalan praktikal institusi pengajian tinggi. Pihak universiti boleh menggunakan dapatan ini sebagai asas dalam merangka polisi kesejahteraan mental yang lebih komprehensif, khususnya dengan menekankan aspek sokongan psikososial kepada pelajar. Misalnya, dasar universiti boleh diperkukuh dengan penyediaan perkhidmatan kaunseling yang lebih mudah diakses, program pencegahan idea membunuh diri yang berstruktur, serta latihan kesedaran trauma untuk pensyarah dan staf sokongan. Dari sudut praktikal, universiti boleh membangunkan modul intervensi berasaskan bukti, seperti bengkel pengurusan emosi, strategi mengurangkan penghindaran sosial, serta program peningkatan harapan dalam kalangan pelajar. Langkah ini bukan sahaja membantu pelajar mengurus tekanan akademik dan sosial dengan lebih baik, malah menyumbang kepada pembentukan ekosistem pendidikan tinggi yang lebih responsif, inklusif, dan kondusif kepada kesejahteraan mental mahasiswa.

Kesimpulan

Kajian ini dapat membantu pengkaji lain yang mana mungkin menjalankan kajian yang berkaitan untuk dijadikan rujukan. Kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan bagi kajian pada masa akan datang oleh pengkaji yang mungkin melakukan kajian mengenai trauma kanak-kanak, penghindaran sosial, harapan dan idea membunuh diri serta ingin mengetahui pengaruh ketiga-tiga pembolehubah kepada idea membunuh diri. Hal ini kerana, kajian yang telah dilakukan merangkumi aspek-aspek tersebut. Di samping itu, kajian ini juga dapat memberikan kepentingan daripada aspek penggunaan instrumen yang telah diterjemah ke bahasa Melayu iaitu *Social Avoidance and Distress Scale (SADS)* serta *Self-Rating Idea of Suicide Scale (SIOSS)* buat pengkaji akan datang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa SADS dan SIOSS ini merupakan satu instrumen yang komprehensif, tepat dan mempunyai nilai konsistensi yang baik sekaligus merupakan instrumen alternatif yang boleh digunakan sebagai alat untuk mengukur penghindaran sosial dan idea membunuh diri.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diberi perhatian. Pertama, sampel hanya melibatkan 168 pelajar prasiswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dengan ketidakseimbangan dari segi etnik. Hal ini mengehadkan kebolehan generalisasi dapatan kepada populasi mahasiswa di seluruh Malaysia. Kedua, reka bentuk keratan rentas yang digunakan tidak membolehkan penentuan hubungan sebab-akibat antara pembolehubah, manakala penggunaan soal selidik sendiri atas talian menimbulkan potensi isu kejujuran dan kesahihan data. Ketiga, analisis regresi yang dijalankan hanya pada tahap asas, sedangkan kaedah lanjutan seperti *Structural Equation Modeling (SEM)* boleh memberikan gambaran yang lebih menyeluruh. Tambahan, meskipun kajian ini berasaskan teori utama seperti Teori Ikatan, Model Kognitif Fobia Sosial, Teori Harapan, dan Teori Interpersonal Bunuh Diri, reka bentuk kajian masih belum cukup untuk menguji kesemua andaian teori secara mendalam. Oleh itu, kajian lanjutan dengan reka bentuk lebih kukuh dan sampel yang lebih pelbagai amat digalakkan agar hubungan antara trauma kanak-kanak, penghindaran sosial, harapan, dan idea membunuh diri dapat difahami dengan lebih komprehensif.

Menerusi kajian ini juga, SADS dan SIOSS telah menunjukkan perhubungan positif antara satu sama lain serta pembolehubah trauma kanak-kanak seperti yang dijangkakan di dalam aspek teoritikalnya. Bukan itu sahaja, SADS dan SIOSS juga telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu bagi membantu pengkaji-pengkaji lain lebih memahami khususnya dalam konteks negara Malaysia. Jelaslah bahawa SADS dan SIOSS ini merupakan instrumen yang boleh digunakan dalam mengukur penghindaran sosial dan idea membunuh diri pelajar universiti, namun begitu, dicadangkan agar lebih banyak pengaplikasian dan penilaian yang dilaksanakan agar kesahihan instrumen dapat dipastikan dan penambahbaikan dapat diintegrasikan dengan bersepadu. Akhir sekali, limitasi bagi kajian ini juga diharapkan dapat diperbaiki pada masa akan datang oleh pengkaji lain dalam mendapatkan data kajian yang lebih baik dan terperinci.

Penghargaan: Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan, kemudahan dan bimbingan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan artikel ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada penyelia serta semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran dan penyempurnaan kajian ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan antara semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdu Z, Hajure M, Desalegn D (2020). Suicidal Behavior and Associated Factors Among Students in Mettu University, South West Ethiopia, 2019: An Institutional Based Cross-Sectional Study. *Psychology Research and Behavior Management*, 13, 233-243. <https://doi.org/10.2147/PRBM.S240827>
- Adhilakshmi AR, Evangeline Mary A, Yamuna Devi R (2021). "Prevalence of Various Forms of Child Abuse Among College-Going Young Adults in Urban Chennai—A cross sectional Study". *Advanced Practice Nursing*, 6(212). <https://www.hilarispublisher.com/open-access/prevalence-of-various-forms-of-child-abuse-among-collegegoing-young-adults-in-urban-chennaia-cross-sectional-study.pdf>
- Affleck, G., & Tennen, H. (1996). Construing benefits from adversity: Adaptational significance and dispositional underpinnings. *Journal of Personality*, 64(4), 899-922. <https://doi.org/10.1111/j.1467-6494.1996.tb00948.x>
- Ahad, A. A., Sanchez-Gonzalez, M., & Junquera, P. (2023). Understanding and Addressing Mental Health Stigma Across Cultures for Improving Psychiatric Care: A Narrative Review. *Cureus*, 15(5), e39549. <https://doi.org/10.7759/cureus.39549>
- American Psychiatric Association. (2000). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders-TR. Ed. ke-4*. Washington: American Psychiatric Association.
- Andy Chua. (2021). University student found dead in room by her parents. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/09/university-student-found-dead-in-room-by-her-parents>
- Jamaludin, A., & Karisnan, K. (2022). Impact of Multi-Type Childhood Abuse on Psychological Development and Coping Strategies among Perdana University Students. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 18, 187. https://www.researchgate.net/publication/374386974_Impact_of_Multi-Type_Childhood_Abuse_on_Psychological_Development_and_Coping_Strategies_among_Perdana_University_Students
- Bahk, Y. C., Jang, S. K., Choi, K. H., & Lee, S. H. (2017). The Relationship between Childhood Trauma and Suicidal Ideation: Role of Maltreatment and Potential Mediators. *Psychiatry investigation*, 14(1), 37–43. <https://doi.org/10.4306/pi.2017.14.1.37>
- Bernstein, D. P., Fink, L., Handelsman, L., & Foote, J. (1998). Childhood trauma questionnaire. *Assessment of family violence: A handbook for researchers and practitioners*. American Psychological Association <https://psycnet.apa.org/doiLanding?doi=10.1037%2F02080-000>
- Bishop Ja, Inderbitzen Hm. (2015). Peer Acceptance and Friendship An Investigation of their Relation to Self-Esteem. *Journal of Early Adolescence*, 15(4), 476-489. doi: 10.1177/0272431695015004005
- Boullier, M., & Blair, M. (2018). Adverse childhood experiences. *Paediatrics and Child Health*, 28(3), 132–137. <https://doi.org/10.1016/j.paed.2017.12.008>
- Bowlby, J. (1958). The Nature Of The Child's Tie To His Mother. *International Journal of Psycho-Analysis*. 39, 350-373. <http://www.psychology.sunysb.edu/attachment/online/nature%20of%20the%20child>
- Bryce, C., Fraser, A., Fabes, R., & Alexander, B. (2021). The role of hope in college retention. *Learning and Individual Differences*, 89, 102033. <https://doi.org/10.1016/J.LINDIF.2021.102033>
- Cao, M., Tian, Y., Lian, S., Yang, X., & Zhou, Z. (2021). Family Socioeconomic Status and Adolescent Depressive Symptoms: A Moderated Mediation Model. *Journal of Child and Family Studies*, 30(11), 2652-2663. <https://doi.org/10.1007/s10826-021-02068-1>
- Center for Substance Abuse Treatment (US). (1970). *Understanding the Impact of Trauma: Trauma-Informed Care in Behavioral Health Services*. (Treatment Improvement Protocol (TIP) Series, No. 57.) Chapter 3. US. Substance Abuse and Mental Health Services Administration <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK207191/>

- Centers for Disease Control and Prevention. (2020). *Web-based Injury Statistics Query and Reporting System (WISQARS): Fatal injury data, leading causes of death reports*. National Center for Injury Prevention and Control. <https://www.cdc.gov/injury/wisqars>
- Chang E. C. (2017). Hope and hopelessness as predictors of suicide ideation in Hungarian college students. *Death studies*, 41(7), 455–460. <https://doi.org/10.1080/07481187.2017.1299255>
- Choon, M., Abu Talib, M., Yaacob, S., Tan, J.-P., Awang, H., Hassan, S., & Ismail, Z. (2014). Hope and Its Relation to Suicidal Risk Behaviors among Malaysian Adolescents. *Asian Social Science*, 10, 67-71. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n12p67>
- Clark, D. M. and Wells, A. (1995). A cognitive model of social phobia. In R. G. Heimberg, M. R. Liebowitz, D. A. Hope and F. R. Schneier (Eds.), *Social Phobia: diagnosis, assessment and treatment* (pp. 69–93). Guilford Press.
- Collin, L., Davidson., LaRicka, R., Wingate., Kathy, A., Rasmussen., Meredith, L., Slis. (2009). Hope as a predictor of interpersonal suicide risk. *Suicide and Life Threatening Behaviour*, 39(5), 499-507. doi: 10.1521/SULI.2009.39.5.499
- Crispim, M. O., Santos, C. M. R. D., Frazão, I. D. S., Frazão, C. M. F. Q., Albuquerque, R. C. R., & Perrelli, J. G. A. (2021). Prevalence of suicidal behavior in young university students: A systematic review with meta-analysis. *Revista Latino-Americana De Enfermagem*, 29, e3495. <https://doi.org/10.1590/1518-8345.5320.3495>
- Cohen, J. W. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Downey, C., & Crummy, A. (2022). The impact of childhood trauma on children's wellbeing and adult behavior. *European Journal of Trauma & Dissociation*, 6(1), 100237. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.ejtd.2021.100237>
- Dye, H. (2018). The impact and long-term effects of childhood trauma. *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 28(3), 381– 392. <https://doi.org/10.1080/10911359.2018.1435328>
- Emma, M., Parrish., Samantha, A., Chalker., Mayra, Cano., Philip, D., Harvey., Charles, Taylor., Amy, E., Pinkham., Raeanne, C., Moore., Robert, A., Ackerman., Colin, A., Depp. (2022). Ecological Momentary Assessment of Social Approach and Avoidance Motivations in Serious Mental Illness: Connections to Suicidal Ideation and Symptoms. *Archives of Suicide Research*, 28(1), 123-140. doi: 10.1080/13811118.2022.2137445
- Evans, J. R., & Mathur, A. (2018). The value of online surveys: a look back and a look ahead. *Internet Research*, 28(4), 854-887. <https://doi.org/10.1108/IntR-03-2018-0089>
- Fernandes, G., Fernandes, M., Vaidya, N., De Souza, P., Plotnikova, E., Geddes, R., Holla, B., Sharma, E., Benegal, V., & Choudhry, V. (2021). Prevalence of child maltreatment in India and its association with gender, urbanisation and policy: a rapid review and meta-analysis protocol. *BMJ open*, 11(8), e044983. <https://doi.org/10.1136/bmjopen-2020-044983>
- Fong, T. C., & Yip, P. S. (2023). Prevalence of hikikomori and associations with suicidal ideation, suicide stigma, and help-seeking among 2,022 young adults in Hong Kong. *International Journal of Social Psychiatry*, 69(7), 1768-1780. <https://doi.org/10.1177/00207640231174376>
- Fu, H., Feng, T., Qin, J., Wang, T., Wu, X., Cai, Y., Lan, L., & Yang, T. (2018). Reported prevalence of childhood maltreatment among Chinese college students: A systematic review and meta-analysis. *PLoS ONE*, 13(10), e0205808. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0205808>
- Ge, J. L., Feldman, D. B., & Shu, T. M. (2023). The Relationships of Hope, Optimism, and Academic Motivation With GPA Among University Students in Hong Kong. *Psychology Reports*, 128, 332941231184144. <https://doi.org/10.1177/00332941231184144>
- Geist, C. R., & Hamrick, T. J. (1983). Social avoidance and distress: its relationship to self-confidence, and needs for affiliation, change, dominance, and deference. *Journal of clinical psychology*, 39(5), 727-730. [https://doi.org/10.1002/1097-4679\(198309\)39:5<727::AID-JCLP2270390514>3.0.CO;2-F](https://doi.org/10.1002/1097-4679(198309)39:5<727::AID-JCLP2270390514>3.0.CO;2-F)
- Hammoudi Halat, D., Soltani, A., Dalli, R., Alsarraj, L., & Malki, A. (2023). Understanding and Fostering Mental Health and Well-Being among University Faculty: A Narrative Review. *Journal of clinical medicine*, 12(13), 4425. <https://doi.org/10.3390/jcm12134425>

- Huen, J. M. Y., Ip, B. Y. T., Ho, S. M. Y., & Yip, P. S. F. (2015). Hope and Hopelessness: The Role of Hope in Buffering the Impact of Hopelessness on Suicidal Ideation. *PLoS ONE*, 10(6), e0130073. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0130073>
- Institute for Public Health. (2022). *Technical report: National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2022 – Adolescent Health Survey, Malaysia*. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms>
- Jia, H., Min, Z., Yiyun, C., Zhiguo, W., Yousong, S., Feng, J., Na, Z., Yiru, F., & Daihui, P. (2024). Association between social withdrawal and suicidal ideation in patients with major depressive disorder: The mediational role of emotional symptoms. *Journal of Affective Disorders*, 347, 69–76. <https://doi.org/10.1016/j.jad.2023.11.051>
- Jiang Hongyun, Qu Yuan & Guo Lanting. (2015). Investigation on suicide risk and related factors of children and adolescents aged 6-16 years in Sichuan Province. *Journal of Clinical Psychiatry* (05), 292-295. doi:CNKI:SUN:LCJS.0.2015-05- 002.
- Jin, T., Lei, Z., Zhang, L., & Wu, Y. (2023). Perceived Chronic Social Adversity and Suicidal Ideation Among Chinese College Students: The Moderating Role of Hope. *Omega*, 88(2), 638–652. <https://doi.org/10.1177/00302228211048960>
- Johnston, M. P. (2017). Secondary Data Analysis: A Method of which the Time Has Come. *Qualitative and Quantitative Methods in Libraries*, (3), 619-626. <http://www.qqml-journal.net/index.php/qqml/article/view/169>
- Keshoofy, A., Lisnyj, K., Pearl, D. L., Thaivalappil, A., & Papadopoulos, A. (2023). A qualitative study of university students' perspectives of hope during the COVID-19 pandemic. *SAGE open medicine*, 11, 20503121231185014. <https://doi.org/10.1177/20503121231185014>
- Kumari V. (2020). Emotional abuse and neglect: time to focus on prevention and mental health consequences. *The British Journal Of Psychiatry : The Journal Of Mental Science*, 217(5), 597–599. <https://doi.org/10.1192/bjp.2020.154>
- Kwok, S.Y.C.L., Gu, M. Childhood Neglect and Adolescent Suicidal Ideation: a Moderated Mediation Model of Hope and Depression. *Prev Sci*, 20, 632–642 (2019). <https://doi.org/10.1007/s11121-018-0962-x>
- Leong Bin Abdullah, M., Hami, R., Appalanaido, G., Azman, N., Mohd Shariff, N., & Sharif, S. (2018). Validation of the Malay Version of the Snyder Hope Scale Among Malaysian Cancer Patients. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 16, 95-102. <https://doi.org/10.17576/jskm-2018-1601-12>
- Lu, L., Jian, S., Dong, M., Gao, J., Zhang, T., Chen, X., Zhang, Y., Shen, H., Chen, H., Gai, X., & Liu, S. (2020). Childhood trauma and suicidal ideation among Chinese university students: the mediating effect of Internet addiction and school bullying victimisation. *Epidemiology and Psychiatric Sciences*, 29, e152. <https://doi.org/10.1017/S2045796020000682>
- Mahani Ishak. (2022). Kes bunuh diri dalam negara meningkat 81 peratus tahun lalu. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/09/998721/kes-bunuh-diri-dalam-negara-meningkat-81-peratus-tahun-lalu>
- Mazelan, M. A. F., & Choi, L. J. (2022). The Prevalence and Correlates of Suicidal Ideation among University Students: A Survey. *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, 8(1). DOI: <https://doi.org/10.33736/jcshd.4374.2022>
- Muwanguzi, M., Kaggwa, M. M., Najjuka, S. M., Mamun, M. A., Arinaitwe, I., Kajjimu, J., Nduhuura, E., & Ashaba, S. (2023). Exploring adverse childhood experiences (ACEs) among Ugandan university students: its associations with academic performance, depression, and suicidal ideations. *BMC Psychology*, 11(1), 11. <https://doi.org/10.1186/s40359-023-01044-2>
- Nakayama, M., Hori, H., Itoh, M., Lin, M., Niwa, M., Ino, K., Imai, R., Ogawa, S., Sekiguchi, A., Matsui, M., Kunugi, H., & Kim, Y. (2020). Possible Long-Term Effects of Childhood Maltreatment on Cognitive Function in Adult Women With Posttraumatic Stress Disorder [Original Research]. *Frontiers in Psychiatry*, 11, 344. <https://doi.org/10.3389/fpsyt.2020.00344>
- Nan, J., Salina, N., Chong, S. T., & Jiang, H.-j. (2023). Trajectory of suicidal ideation among medical students during the COVID-19 pandemic: the role of childhood trauma. *BMC Psychiatry*, 23(1), 90. <https://doi.org/10.1186/s12888-023-04582-6>

- Nazirah Hassan, and Norshahidah Isa, (2024) Pengalaman buli siber dan isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar universiti. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1), 388-399. ISSN 1823-884x. <https://journalarticle.ukm.my/23530/>
- Noremy Md. Akhir, and Khadijah Alavi, and Salina Nen, and Fauziah Ibrahim, and Suhaimi .M Mohamad, and Nazirah Hassan, (2012) Hubungan faktor dalaman penderaan fizikal terhadap kanak-kanak oleh ibubapa. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1 (spe). pp. 1-14. <https://journalarticle.ukm.my/5023/>
- Peter, Gill., Michael, Arena., Christopher, Rainbow., Warwick, Hosking., Kim, Shearson., Gavin, Ivey., Jenny, Sharples. (2023). 3. Social connectedness and suicidal ideation: the roles of perceived burdensomeness and thwarted belongingness in the distress to suicidal ideation pathway. *BMC Psychology*, 11(1), 312. <https://doi.org/10.1186/s40359-023-01338-5>
- Petkus, A. J., Lenze, E. J., Butters, M. A., Twamley, E. W., & Wetherell, J. L. (2018). Childhood Trauma Is Associated With Poorer Cognitive Performance in Older Adults. *The Journal of clinical psychiatry*, 79(1), 16m11021. <https://doi.org/10.4088/JCP.16m11021>
- Pharris, A. B., Munoz, R. T., Kratz, J., & Hellman, C. M. (2023). Hope As a Buffer to Suicide Attempts Among Adolescents with Depression. *Journal of School Health*, 93(6), 494-499. <https://doi.org/10.1111/josh.13278>
- Ram, R., Chaudhury, S., & Jagtap, B. L. (2018). Prevalence of suicidal ideation among university students. *Pravara Medical Review*, 10, 7-11. https://www.researchgate.net/publication/329933009_Prevalence_of_suicidal_ideation_among_university_students
- Rand, K. L., Shanahan, M. L., Fischer, I. C., & Fortney, S. K. (2020). Hope and optimism as predictors of academic performance and subjective well-being in college students. *Learning and Individual Differences*, 81, 101906. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.lindif.2020.101906>
- Rasmussen, H. N., England, E., & Cole, B. P. (2023). Hope and physical health. *Current Opinion in Psychology*, 49, 101549. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2022.101549>
- Reporters, F. (2022). Private uni student falls to death after commotion in girls' hostel. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/08/03/private-uni-student-falls-to-death-after-commotion-in-girls-hostel/>
- Ropaj E. (2023). Hope and suicidal ideation and behaviour. *Current opinion in psychology*, 49, 101491. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2022.101491>
- Ropaj, E. (2022). *The role of hope in and 'recovery' from suicide ideation and behaviour* [Doctoral dissertation, University of Manchester]. University of Manchester https://research.manchester.ac.uk/files/290849956/FULL_TEXT.PDF
- Roy A. (2011). Combination of family history of suicidal behavior and childhood trauma may represent correlate of increased suicide risk. *J Affect Disord*. 130(1-2):205-8. [PubMed ID: 20943272]. <https://doi.org/10.1016/j.jad.2010.09.022>.
- Shankar PR, Cox A, Leon G, Kumaresan E, Dakubo G (2018). Stress and coping strategies among undergraduate nursing and medical students at American International Medical University, St Lucia. *Education in Medicine Journal*. 10(4), 23–30. <https://doi.org/10.21315/eimj2018.10.4.3>
- Sinniah, A., Oei, T. P. S., Chinna, K., Shah, S. A., Maniam, T., & Subramaniam, P. (2015). Psychometric Properties and Validation of the Positive and Negative Suicide Ideation (PANSI) Inventory in an Outpatient Clinical Population in Malaysia [Original Research]. *Frontiers in Psychology*, 6 - 2015. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2015.01934>
- Snyder, C. R. (2002). Hope Theory: Rainbows in the Mind. *Psychological Inquiry*, 13(4), 249–275. <http://www.jstor.org/stable/1448867>
- Snyder, C. R., Harris, C., Anderson, J. R., Holleran, S. A., Irving, L. M., Sigmon, S. T. (1991). The will and the ways: Development and validation of an individual-differences measure of hope. *Journal of Personality and Social Psychology*, 60, 570-585. <https://psycnet.apa.org/record/1991-17270-001>

- Sun, H., Tan, Q., Fan, G., & Tsui, Q. (2014). Different effects of rumination on depression: key role of hope. *International Journal of Mental Health Systems*, 8(1), 53. <https://doi.org/10.1186/1752-4458-8-53>
- Ting, S. K., Sin Siau, C., Nur Fariduddin, M., Fitriana, M., Lee, K. F., Najiha Yahya, A., & Ibrahim, N. (2022). Childhood, Adulthood, and Cumulative Interpersonal Violence as Determinants of Suicide Risk among University Students. *Journal of Aggression, Maltreatment & Trauma*, 31(2), 167-183. <https://doi.org/10.1080/10926771.2021.1984352>
- Van Orden, K. A., Witte, T. K., Cukrowicz, K. C., Braithwaite, S. R., Selby, E. A., & Joiner Jr, T. E. (2010). The interpersonal theory of suicide. *Psychological Review*, 117(2), 575. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/20438238/>
- Wang, L., Wang, Z., Jia, C., Sun, X., & He, Z. (2021). Psychological Strain and Suicidal Behaviors Among Medical Students in Northwest, China: The Mediating Effect of Psychological Distress and Hopelessness. *The Journal of Nervous and Mental Disease*, 209(10), 753-758. <https://doi.org/10.1097/NMD.0000000000001375>
- Ypsilanti, A. (2018). Lonely but avoidant—the unfortunate juxtaposition of loneliness and self-disgust. *Palgrave Communications*, 4(1), 144. <https://doi.org/10.1057/s41599-018-0198-1>
- Yuan Y, Jiang SH, Wen X, Han Z, Wu DL, Wang XP, Ye TY, Hu YM, Jeong J and Xiang M (2022) The Chain-Mediation Pathway of Social Avoidance to Depression in College Students Is Regulated by Self-Esteem. *Front. Psychol.* 13, 802161. doi: 10.3389/fpsyg.2022.802161
- Zhang, Y., Coid, J., Liu, X., Zhang, Y., Sun, H., Li, X., Tang, W., Wang, Q., Deng, W., Zhao, L., Ma, X., Meng, Y., Li, M., Wang, H., Chen, T., Lv, Q., Guo, W., & Li, T. (2022). Effects of Stress in Adaptation to Undergraduate Life on Psychiatric Morbidity: Mediating Effects of Early Trauma and Adverse Family Factors [Original Research]. *Frontiers in Psychiatry*, 13, 538200. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.538200>
- Zhang, Y., Zhan, N., Long, M., Xie, D., & Geng, F. (2022). Associations of childhood neglect, difficulties in emotion regulation, and psychological distresses to COVID-19 pandemic: An intergenerational analysis. *Child abuse & neglect*, 129, 105674. <https://doi.org/10.1016/j.chiabu.2022.105674>
- Zhu, J., Xie, P., & Zhang, X. (2024). Social exclusion and suicide intention in Chinese college students: a moderated mediation model [Original Research]. *Frontiers in Psychology*, 15. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2024.1354820>
- Johnston, M. P. (2017). Secondary Data Analysis: A Method of which the Time Has Come. *Qualitative and Quantitative Methods in Libraries*, (3), 619-626. <http://www.qqml-journal.net/index.php/qqml/article/view/169>
- Zhang, X., Kuchinke, L., Woud, M. L., Velten, J., & Margraf, J. (2017). Survey method matters: Online/offline questionnaires and face-to-face or telephone interviews differ. *Computers in Human Behaviour*, 71, 172-180. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2017.02.006>